



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**05 Mac 2025
04 Ramadan 1446H**

| Utusan Malaysia | • |
|--|--|
| Berita Harian | • Timbus kaedah terbaik lupus ikan bandaraya |
| Harian Metro | • |
| Kosmo | • |
| Sinar Harian | • |
| The Star | • |
| New Straits Time | • |
| Nanyang Siang Pau | • |
| Malaysia Gazette | • |
| The Sun | • |
| Malaysiakini | • |
| Bernamea | • |
| BenarNews Malaysia [Online] | • |
| Guan Ming Daily | • |
| Sabah Media | • |

JENIS AKHBAR

| | | | | | | | | | |
|---------------------------|---|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|--|------------|----------|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | / | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN: POSITIF | | / | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 19 | 5/3/2025 |

Timbus kaedah terbaik lupus ikan bandaraya



Inisiatif elak spesies asing masuk ke sungai sekali gus kuasai sistem perairan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perikanan menasihatkan pemancing tidak melepaskan semula ikan bandaraya yang ditangkap ke dalam sungai atau kawasan lain, sebaliknya ikan asing itu perlu dilupuskan secara berhemah.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata ini kerana spesies ikan berkenaan kini mula mencerooboh kawasan berpasir dan sungai bersih di negara ini.

Katanya, dalam usaha membendung permasalahan berkenaan, Jabatan Perikanan turut mempergiatkan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Pemburu Ikan Asing (SPIA) bagi menjalankan inventori perikanan darat di lokasi baharu yang mempunyai kualiti air bersih dan berpasir.

"Jabatan Perikanan (DOF) memandang serius isu peningkatan spesies ikan asing invasif



Satu tan ikan bandaraya ditangkap dalam sejam

Pemancing dan nelayan menangkap ikan bandaraya di sungai.

Keratan akhbar BH, semalam.

bandaraya, kita mohon kerjasama supaya ikan itu tidak dilepaskan semula ke perairan umum dan disarankan untuk dilupuskan secara berhemah," katanya kepada BH, semalam.

Timbul kebimbangan

Sebelum ini, BH melaporkan terdapat kebimbangan mengenai ikan bandaraya apabila ia kini mula mencerooboh kawasan air terjun dan sungai jernih berpasir.

Pengasas Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya (KPIB) dan SPIA, Mohamad Haziq A Rahman dilaporkan berkata, dapatan terbaru itu ditemui di kawasan Sungai Buloh dan mungkin memberi risiko kepada orang ramai.

"Populasi ikan ini mungkin boleh juga menyebabkan kemalangan jiwa kerana tebing sungai terhakis dan runtuh disebabkan spesies ini.

"Apabila runtuh akan ber-

lakunya banjir, rumah yang berada di tebing sungai juga boleh runtuh," katanya.

Mengulas cara terbaik melupuskan ikan bandaraya, Adnan berkata ia adalah dengan menimbusnya ke dalam tanah.

"Secara kebiasaannya ikan bandaraya yang ditangkap itu akan dibiarkan di tebing sungai. Jika hanya dibiarkan di atas tebing, ada kemungkinan untuk ikan ini terlepas masuk ke dalam sungai semula.

"Jika dibiarkan di atas daratan sekalipun, ikan ini mampu bertahan untuk tempoh masa agak lama berbanding ikan lain. Malah, mengeluarkan ikan bandaraya dari dalam sungai tidak menjamin yang spesies itu akan mati.

"Ini kerana ikan bandaraya memiliki daya tahan tinggi dan mampu hidup dalam air kotor dan persekitaran tercemar.

"Oleh itu, cara terbaik menghapuskan ikan bandaraya adalah dengan menggali lubang

dan menimbus dalam tanah sekali gus ia tidak dapat melepaskan diri untuk kembali ke sungai," katanya.

Beliau berkata, tahun ini pelbagai inisiatif akan diadakan dalam membendung pencerobohan ikan asing di perairan negara.

"Pejabat Perikanan Negeri perlu merangka program dan aktiviti bersama NGO dengan pembabitin agensi atau syarikat bagi membantu memberi kesedaran kepada orang awam.

"Pada tahun ini juga kita akan melaksanakan program Pemburuan Baung Ekor Merah di empat negeri iaitu Pahang, Negeri Sembilan, Perak dan Selangor.

"DOF mengajak pemancing yang berminat untuk menyertai pemburuan baung ekor merah dan ikan bandaraya. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Pejabat Perikanan Negeri," katanya.

Kehadiran ikan asing invasif ini termasuk ikan bandaraya dan spesies lain seperti ikan peacock bass (Cichla spp) memberi ancaman besar terhadap ekosistem semula jadinya

Adnan Hussain, Ketua Pengarah Perikanan

